

## **BAB PENGENALAN**

### **1. PENDAHULUAN**

Al-Quran adalah mukjizat yang ulung yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada umatnya. Oleh itu, dapatlah difahami dengan jelas di sini bahawa tiada sebarang keraguan dalam kandungan ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan dari dahulu hinggalah sekarang. Keadaan ini juga menunjukkan, misi penjagaan Al-Quran dalam kehidupan kita hanyalah dengan sentiasa dibaca dan dihafaz serta difahamkan isi kandungannya agar ia sentiasa tersemat di hati umat Islam. Terdapat banyak dalil-dalil seperti hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang membicarakan tentang kedudukan seseorang yang tinggi dan mulia terhadap mereka yang sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai rutin pembacaan mereka.

Di samping itu, perkembangan pengajian ilmu Qira'at juga semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat Malaysia. Bagi mengembangkan lagi pengajian Qira'at di Malaysia, terdapat institusi-institusi swasta yang membuka jalan untuk meluaskan lagi arus pengajian ini ke peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD. Oleh itu, berbagai sistem pengajian dijalankan dan di antaranya adalah pembelajaran yang berkonsepkan secara dalam talian dijadikan salah satu metode bagi sesiapa yang ingin melanjutkan pengajian mereka. Akan tetapi, perkembangan pengajian Qira'at secara dalam talian ini masih lagi di peringkat

permulaan kerana sistem pembelajaran ini masih dianggap baru di Malaysia walaupun sistem pembelajarannya sudah lama diperkenalkan di mata dunia.<sup>1</sup>

## **2. LATARBELAKANG KAJIAN**

Ilmu Qira'āt sudah sinonim di mata masyarakat Islam di Malaysia lebih-lebih lagi di kalangan mahasiswa, mahasiswi dan juga di kalangan warga dewasa yang melibatkan diri dalam kursus pengajian ilmu Qira'āt di masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya. Tambahan pula, dewasa ini penubuhan institusi pengajian Qira'āt menjadi permintaan yang berterusan oleh masyarakat kita dan ia merupakan salah satu usaha yang amat dihargai. Manakala dari sudut lain pula, pengajian ini masih dianggap bidang yang eksklusif dan ditawarkan kepada mereka yang memiliki kecenderungan untuk mempelajari bidang Qira'āt.<sup>2</sup>

Perkembangan institusi pengajian Qira'āt di Malaysia adalah bermula dari penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 setelah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj akan hasratnya untuk mewujudkan sebuah institusi pengajian Al-Quran di Malaysia. Oleh itu, penubuhan Ma'had Tahfiz Al-Quran Wal Qira'āt pada 1 Mac 1966 di Dewan Syarahan Masjid Negara menjadi titik permulaan bagi unit Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur untuk merealisasikan hasrat bapa kemerdekaan kita. Bilangan

---

<sup>1</sup> Muhammad Hafiz bin Saleh, Abd. Muhaimin bin Ahmad dan Norazman bin Alias (2011), "Keberkesanan mempelajari ilmu Qira'āt: antara harapan, cabaran dan penyelesaian masalah." (Kertas Kerja Seminar Qira'āt Peringkat Kebangsaan 2011, UIAM), h.1.

<sup>2</sup> Siti Intan Dahlia binti Mohammad Harun, "Perkembangan ilmu Qira'āt di Malaysia dan keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi", Jabatan Tahfiz Wal Qira'āt, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), dicapai pada 20 September 2012, <http://www.ustazrahim.net/qiraat2011/>.

pelajar yang dipilih pada masa itu adalah seramai 8 orang sebagai perantis yang terpilih yang dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia.<sup>3</sup>

Saban waktu sensitiviti terhadap kepentingan dan keperluan ilmu dan Qira'at semakin jelas sehinggakan terdapat banyak di kalangan individu yang membuka cawangan ataupun pusat pengajian tahfiz dan Qira'at ini dengan mengikuti sistem pengajian yang telah disediakan oleh Darul Quran, JAKIM. Sebagai contoh di kolej-kolej Islam negeri-negeri seperti Kolej Universiti Islam Selangor, Kolej Universiti Islam Insaniah, Kedah dan juga kolej-kolej tahfiz swasta seperti Kolej Hafiz, Madinah International Islamic University(MEDIU). Institusi-institusi pengajian sebegini menawarkan pengajian Qira'at bukan sahaja di peringkat diploma malah di peringkat yang lebih tinggi seperti Ijazah, Ijazah Sarjana dan PhD.

Pun begitu, terdapat juga institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dan Qira'at melalui pembelajaran jarak jauh secara dalam talian bagi memudahkan serta menggalakkan masyarakat di sekitar Malaysia mahupun di luar mempelajari bidang Qira'at agar bidang ini masyhur sejajar dengan bidang-bidang yang lain. Kaedah pembelajaran jarak jauh atau lebih dikenali sebagai PJJ membawa erti kepada pemisahan antara pengajar dan pelajar. Dengan itu, pengajaran dan pembelajaran berlangsung melalui bahan-bahan pembelajaran sendiri dalam pelbagai media. Selain itu, pembelajaran sendiri pula bermakna pelajar haruslah belajar bersendirian, tidak

---

<sup>3</sup> Sejarah Darul Quran, laman sesawang Darul Quran, dicapai pada 20 September 2012, <http://www.darulquran.gov.my/>.

bertemu muka selalu dengan pengajar dan juga rakan yang lain. Pelajar PJJ bebas mempelajari sesuatu subjek mengikut selera ataupun kaedah masing-masing.<sup>4</sup>

Universiti Sains Malaysia merupakan pusat pengajian tinggi pertama yang menjalankan sistem PJJ dan pencapaiannya amatlah membanggakan. Begitu juga dengan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR), telah bekerjasama dengan *Science Application International Corperation* (SAIC) Amerika Syarikat yang mula menawarkan kursus-kursus secara ‘konsep universiti maya’.<sup>5</sup>

### **3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Kewujudan matapelajaran Qira’at di institusi-institusi Malaysia boleh dikatakan sebagai pengajian yang masih baru dijalankan berbanding dengan pengajian-pengajian Islam yang lain. Tambahan pula, matapelajaran itu lebih menampakkan pembaharuan dan keunikan sekiranya matapelajaran Qira’at itu digandingkan dengan kaedah teknologi baru iaitu pendidikan jarak jauh menggunakan sistem dalam talian. Seperti mana yang diketahui pembelajaran yang berasaskan dalam talian adalah kaedah yang masih baru di Malaysia ini berbanding dengan negara-negara maju yang lain di mana e-pembelajaran dijadikan satu kaedah asas pembelajaran untuk melicinkan proses pembelajaran terdahulu yang lebih bersifat tradisional.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Kertas kerja kajian sistem pendidikan kebangsaan (MTT2353), “Pendidikan Jarak Jauh”, dicapai pada 20 September 2012, <http://sarjana.tripod.com/jarak3.html>.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Ahmad Johari Sihes, Norbaizura Sani, “Perlaksanaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai”, (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Teknologi dan Inovasi Pengajaran-Pembelajaran 2009), h.19.

Oleh itu, di antara permasalahan kajian yang berkait rapat dengan kajian penulis adalah persediaan pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian menjurus kepada kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap sesebuah matapelajaran.

Selain itu, sikap dan minat pelajar semasa menggunakan kaedah e-pembelajaran juga perlu diukur di dalam permasalahan kajian ini dan begitu juga dengan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ketika menggunakan kaedah e-pembelajaran. Ini disebabkan kebanyakan tenaga pengajar adalah bukan dari peneraju bidang komputer. Gaya bahasa teknologi juga membebankan dan mengelirukan bagi yang kurang mahir dalam komputer. Di samping itu, sistem teknologi juga yang kadangkala tidak boleh menampung aktiviti pembelajaran dengan lancar.<sup>7</sup>

Tambahan pula, Madinah International Islamic University(MEDIIU) merupakan institusi pertama yang mengadakan kaedah pembelajaran secara dalam talian terhadap pengajian Qira'āt di samping menggunakan silibus tersendiri yang tidak mengikuti silibus JAKIM bagi pengajian Qira'āt.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan kajian yang akan dibincangkan antaranya seperti berikut :

1. Apakah sejarah penubuhan MEDIIU?
2. Bagaimanakah perkembangan pengajian Qira'āt di MEDIIU?

---

<sup>7</sup> Guy Posey, Thomas Burgess, Marcus Eason, Yawna Jones, “*The Advantages and Disadvantages of the Virtual Classroom and the Role of the Teacher*”, (sebuah artikel, Albama A&M University), dicapai pada 19 Februari 2013, [http://www.swdsi.org/swdsi2010/SW2010\\_Preceedings/papers/PA126.pdf](http://www.swdsi.org/swdsi2010/SW2010_Preceedings/papers/PA126.pdf).

3. Bagaimanakah VLE (*Virtual Learning Enviroment*) dalam sistem pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian diaplikasikan dalam pengajian Qira'āt?

4. Bagaimanakah tahap penguasaan pengajian Qira'āt secara dalam talian di MEDIIU?

## **5. OBJEKTIF KAJIAN**

Ringkasnya, objektif utama penulisan ini ialah:

1. Mengenalpasti sejarah penubuhan MEDIIU kerana ia adalah sebuah institusi swasta secara dalam talian yang baru ditubuhkan di Malaysia.

2. Mengenalpasti pengajian Qira'āt di MEDIIU berdasarkan struktur pengajian, pelajar-pelajar dan alat-alat bantuan pembelajaran.

3. Mengkaji VLE (*Virtual Learning Enviroment*) dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian diaplikasikan dalam pengajian Qira'āt.

4. Menganalisis tahap penguasaan ilmu Qira'āt secara dalam talian di MEDIIU.

## **6. KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini merangkumi kesemua aspek keilmuan yang akan diperolehi dalam sesuatu kajian. Oleh itu, kajian ini mampu menyelesaikan beberapa masalah yang timbul antaranya;

i. Penghayatan Qira'āt dapat membantu masyarakat Islam di Malaysia dalam menyelesaikan suatu permasalahan.

- ii. Membina masyarakat Islam di Malaysia, khususnya bagi mahasiswa dan mahasiswi ke arah berpengetahuan luas dan menimba ilmu selain dari ilmu yang biasa digunapakai di Malaysia.
- iii. Merungkai konsep pengajian Qira'āt.
- iv. Memberi idea dan cadangan penambahbaikan kepada sistem pembelajaran yang ada dan boleh memberi panduan kepada pembelajaran ilmu Qira'āt secara lebih efisien.
- v. Melahirkan lebih ramai generasi huffaz di Malaysia.
- vi. Dapat memberikan sumbangan dan menjadikan kajian sebagai rujukan kepada pusat pengajian Islam dan institusi-institusi pengajian tinggi.

## **7. BATASAN KAJIAN**

Kajian penulis dibatasi oleh beberapa kekangan. Oleh itu, di antara batasan kajian yang boleh diungkap adalah seperti berikut:

### **i. Batasan dalam metodologi.**

Kajian ini mengkaji tahap penguasaan pelajar-pelajar terhadap pengajian Qira'āt menerusi pembelajaran *online* berdasarkan kepada temuduga dan borang soal selidik. Kepastian pandangan mereka tidak dapat disahkan walaupun segala dibuat untuk memastikan responden memberi respon dengan jujur dan benar. Begitu juga dengan kesukaran untuk memastikan sama ada setiap daripada responden memberi maklumbalas yang boleh diterima.

**ii. Batasan sumber: masa, kemudahan dan pembiayaan.**

Kajian ini melibatkan satu kajian yang mengkaji sikap dan minat pelajar serta hubungan di antara pelajar dan pensyarah. Oleh itu, batasan masa, kemudahan dan pembiayaan membuatkan pengkaji memilih responden yang sudi bekerjasama untuk membuat kajian ini.

## **8. KAJIAN LEPAS**

Di dalam koleksi bacaan dan sekitar pemerhatian penulis, tajuk kajian ini masih belum ada lagi kajiannya. Namun begitu, penulis mendapati terdapat juga kajian yang berkaitan dengan kajian ini, tetapi dalam aspek dan pendekatan yang berbeza. Oleh itu, pada pendapat penulis, kajian mengenai penguasaan Qira'āt secara dalam talian ini akan membuahakan sebuah hasil dan sumbangan kepada masyarakat yang mencintai dan ingin mendalami ilmu-ilmu yang terbit dari Al-Quran.

Antara kajian-kajian terdahulu yang penulis dapati adalah ; buku *Muhāḍarāt fi Tarikh 'Ilm Qira'at* yang ditulis oleh Dr. Abdul Karem Ibrahim Soleh dari cetakan Universiti al-Azhar, cawangan Ṭanṭā tahun 2011/13. Buku ini adalah sebuah kitab yang dikhususkan kepada pelajar-pelajar tahun 1, kuliah Al-Quran di Universiti al-Azhar, Ṭanṭā bagi mengenali dengan lebih rapi dan teliti berkaitan dengan sejarah perkembangan ilmu Qira'āt bermula dari zaman Rasulullah s.a.w hingga zaman pembukuan kitab-kitab yang berkaitan dengan Qira'āt. Tumpuan tentang apa yang dikaji dan ditulis oleh Dr. Abdul Karem Ibrahim Soleh yang mempunyai persamaan dengan kajian penulis boleh dilihat di halaman 4 hingga 13. Di dalam halaman ini, Dr.



Abdul Kareem membincangkan berkenaan dengan perkembangan Qira'āt dan peringkatnya. Di antara peringkat-peringkat yang dibincangkan oleh beliau adalah peringkat Rasulullah s.a.w bertalaqqi dengan Jibril kemudian peringkat sahabat bertalaqqi dengan Rasulullah s.a.w sehinggalah di suatu peringkat iaitu Takhaṣuṣ Qira'āt dan kemunculan Qira'āt sepuluh. Di peringkat inilah timbulnya usaha para ulama' dalam membukukan ilmu-ilmu Qira'āt.

Selain itu, di dalam sebuah disertasi yang dikaji oleh Muhammad Hana Pizi bin Abdullah, Sarjana Usuluddin Jabatan Al-Quran dan Hadith, Universiti Malaya, 2007 yang bertajuk ; Pengajian Al-Qira'āt di Ma'had Tahfiz Al-Quran Majlis Agama Islam Kelantan : Suatu Kajian Terhadap Riwayat Shu'bah 'An Āsim<sup>8</sup>. Kajian ini adalah untuk mengetengahkan bidang Qira'āt khususnya riwayat Shu'bah 'an 'Āsim yang menjadi pelengkap kepada Qira'āt imam 'Āsim. Pemilihan ma'had ini adalah kerana ia ramai mengeluarkan graduan dalam bidang ini. Di dalam bab 4 di bawah tajuk pengajian al-Qira'āt di Ma'had Tahfiz Al-Quran MAIK, unit 4.1.1 menfokuskan kepada pelaksanaan sistem pengajian, proses pelajaran dan pembelajaran serta sukatan yg dilaksanakan di ma'had ini.

Begitu juga dengan buku yang ditulis Zaini Ujang (2009), naib cancellor Universiti Teknologi Malaysia di dalam bukunya yang bertajuk Mengangkasa Pengajian Tinggi. Di dalam bahagian 2, unit 9 iaitu universiti institusi elit di halaman 74 menyatakan bahawa universiti elit mempunyai kelainan dan keunikan yang tersendiri dengan jumlah pelajar yang sedikit, sejarah dan tradisi yang panjang, professor yang

---

<sup>8</sup> Tesis ini diselia oleh Dr. Seripah Zin binti Sayed Ali.

ternama, sistem pengajian yang berorientasikan tradisi dan sebahagiannya tekstual, serta biaya yang besar. Kebanyakan institusi pengajian tinggi lebih menjurus kepada pendidikan liberal dan pembinaan insan yang mempunyai wawasan, citra dan budaya ilmu yang tinggi. Aspek teknikal dan profesionalisme tidak diutamakan, seperti di dalam jurusan perundangan dan kejuruteraan, aspek tersebut dikuliahkan secara asas teori sahaja.

Selain itu, terdapat juga persamaan kajian penulis di dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk *Perlaksanaan E-pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* di dalam Seminar Kebangsaan Teknologi dan Inovasi Pengajaran-Pembelajaran 2009. Kertas kerja ini dimiliki oleh Ahmad Johari Sihes dan Norbaizurah Sani dari Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM, Johor. Menurut abstrak yang ditulis, kajian deskriptif ini meninjau pelaksanaan e-pembelajaran di kalangan pelajar UTM Skudai, Johor. Fokus kajian ini ialah melihat kesediaan pelajar terhadap pelaksanaan e-pembelajaran, minat dan sikap pelajar dalam penggunaan e-pembelajaran dan masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menggunakan e-pembelajaran.

Di samping itu, terdapat juga kertas kerja yang dijadikan bahan Seminar Qira'at Peringkat Kebangsaan 2011, UIAM<sup>9</sup> dalam tajuk 'Perkembangan Ilmu Qira'at Di Malaysia Dan Keperluannya Di Institusi Pengajian Tinggi' yang disusun oleh; Siti Intan

---

<sup>9</sup> Kertas Kerja Seminar Qira'at Peringkat Kebangsaan 2011 yang dianjurkan pada 19-20 November 2011 di auditorium utama, Universiti Antarabangsa Malaysia, Gombak. Seminar ini atas kerjasama Persatuan Mahasiswa Ilmu Wahyu Islam, UIAM beserta pelajar-pelajar Kursus Umum Tilawah Al-Quran (Qira'at), UIAM, dicapai pada 21 September, <http://www.ustazrahim.net/qiraat2011/>.

Dahlia binti Mohammad Harun dari Jabatan Tahfiz wal Qira'āt di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH). Jika diteliti pada tajuk kertas kerja ini, persamaan yang ingin dikaji oleh penulis itu ada di dalam subtajuk kertas kerja ini iaitu realiti dan keperluan subjek Qira'āt di institusi pengajian tinggi, tetapi ia agak berbeza dari aspek sebenar. Skop penyampaian di dalam kertas kerja ini menyatakan bahawa subjek-subjek yang berkaitan dengan ilmu Qira'āt seperti Usul Qira'āt, Tārikh al-Qurra' dan sebagainya tidak dinafikan bahawa ianya hanya diajar oleh pelajar-pelajar jurusan tahfiz dan Qira'āt. Akan tetapi, kepentingan dan keperluan subjek Qira'āt ini perlu juga digabungkan dengan subjek-subjek lain seperti Bahasa Arab, Tafsir dan Fiqh bagi memperluaskan lagi ilmu Qira'āt kepada mahasiswa dan mahasiswi seterusnya dikembangkan kepada masyarakat umum.

Walaupun, kajian yang ingin dikaji oleh penulis tentang Qira'āt secara dalam talian ada persamaannya dengan sebuah kajian yang dihasilkan oleh Mustaffa Abdullah<sup>10</sup> yang dinukil dalam bentuk jurnal bertajuk pengajian Al-Quran dalam kalangan warga cacat penglihatan di Malaysia<sup>11</sup>. Secara ringkasnya, menurut halaman 25 hingga 27, kajian ini membincangkan tentang golongan cacat penglihatan yang perlu dibantu dan diberikan bimbingan untuk membaca Al-Quran dengan menggunakan tulisan *Braille* kerana sebelum ini mereka hanya berupaya menghafaz Al-Quran dengan kaedah talaqqi dan hanya membataskan hafazan mereka dengan surah-surah pendek sahaja. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui institusinya Darul Quran bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

---

<sup>10</sup> Professor Madya di Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>11</sup> Mustaffa Abdullah, "Pengajian Al-Quran Dalam Kalangan Warga Cacat Penglihatan Di Malaysia", *Al-Bayan Journal of Al-Quran and Hadith*, v.8 (2010), h.21-34.

menyediakan pengajian berbentuk program Sijil Tahfiz Al-Quran seterusnya ke peringkat Diploma Tahfiz dan Qira'āt dan ke peringkat Ijazah Fakulti Al-Quran dan Sunnah di USIM.

Sebuah lagi kajian yang dimiliki oleh Khairol Anuar bin Ishak dari fakulti perniagaan, Universiti Utara Malaysia yang bertajuk '*Investigation of Factors Affecting E-Learning Acceptance Among Student In UUM: An Empirical Analysis*'<sup>12</sup>. Kajian ini dijalankan di Universiti Utara Malaysia untuk melihat sejauh mana penggunaan dan menentukan faktor-faktor penggalak ke arah penerimaan pembelajaran elektronik di dalam sebuah universiti awam. Bertepatan dengan pelaksanaan *Learning Management System* sebagai medium pembelajaran dengan pelajar melalui internet, extranet dan kemudahan internet. Kajian ini secara rambangnyanya mempunyai persamaan dengan kajian penulis yang ingin mengkaji sistem pembelajaran secara dalam talian bagi Qira'āt.

## **9. METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi merupakan kaedah atau cara yang diperlukan dalam menyiapkan kajian ilmiah. Hasil kajian dikira berkualiti jika kaedah yang digunakan dalam penyelidikan bersesuaian dengan matlamat kajian. Dalam menghasilkan sesuatu kajian, terdapat dua metodologi kajian yang digunakan, iaitu kajian berbentuk perpustakaan

---

<sup>12</sup> Kertas kerja ini adalah sebuah tugas yang disediakan oleh Hafsania binti Jamian, calon Sarjana Pendidikan Khas UUM di dalam subjek Pembelajaran Berasaskan Elektronik dan Web. Tugas ini juga disediakan untuk Prof. Madya Dr. Abd Latif Haji Gafor, dicapai pada 21 September 2012, <http://www.slideshare.net/niakpt6043/faktor-faktor-yang-mempengaruhi-penerimaan-elearning-4904446>.

dan kajian berbentuk lapangan. Penulis akan menggunakan metodologi kajian berbentuk perpustakaan dan lapangan dalam menyiapkan kajian ini.

Di samping itu juga, terdapat beberapa teknik penyelidikan dalam menyiapkan sesuatu kajian ini. Teknik penyelidikan ini adalah bertujuan melengkapkan kajian ini secara terperinci seterusnya dapat memberi kefahaman yang mudah dan tepat berkaitan metodologi atau cara penulisan dan pembukuan sesuatu kertas kerja. Antaranya ialah:

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Analisis Data

## **9.1 Metode pengumpulan data**

Dalam mendapatkan data dan segala maklumat yang diperlukan untuk menjalankan kajian, penulis menggunakan metode pengumpulan data. Melalui metode ini, segala maklumat dan data yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian akan dikumpulkan agar maklumat yang diperlukan dapat memenuhi keperluan kajian penulis. Dalam metode pengumpulan data ini, terdapat beberapa metode khusus yang digunakan iaitu:

### **9.1.1 Metode dokumentasi**

Metode ini dilakukan untuk mendapatkan data-data melalui dokumen-dokumen seperti akhbar, risalah, jurnal, majalah, laporan tahunan dan sebagainya. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis bagi mendapatkan bahan kajian ini adalah:

- i. Perpustakaan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya.

- iii. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Kolej Universiti Islam Selangor.
- v. Perpustakaan Darul Quran, JAKIM.
- vi. Perpustakaan Madinah International Islamic University.

Hasil daripada kajian ini, penulis telah memperolehi data-data primer untuk digunakan dalam kajian ini selain mendapat kefahaman yang lebih mendalam dan lebih jelas berkenaan tajuk kajian.

#### 9.1.2 Metode Persampelan

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan teknik memilih responden secara rawak untuk menjawab borang kaji selidik dan seterusnya mengkaji tahap penguasaan pengajian Qira'āt secara dalam talian di MEDIIU. Penulis telah memilih 25 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi MEDIIU Ijazah Sarjana Muda Sains Al-Quran yang mengikuti mod pengajian *online*.

#### 9.1.3 Metode Soal Selidik

Untuk mendapatkan data berkenaan penguasaan pengajian Qira'āt secara dalam talian di MEDIIU, penulis telah menggunakan metode soal selidik yang mendalam bagi memastikan maklumat yang lengkap diperolehi. Soal selidik merupakan nadi kepada kajian berbentuk lapangan, dengan erti kata lain, ianya merupakan wakil kepada penulis sendiri. Oleh itu, bentuk soal selidik yang baik haruslah dilakukan bagi mendapatkan hasil yang diinginkan. Dalam kajian ini, penulis telah mengambil tiga

pendekatan utama yang terdiri daripada aspek bentuk soal selidik, aturan soalan dan pembentukan soalan.

#### 9.1.4 Metode Observasi

Penulis menjadi pemerhati luar bagi menjalani metode observasi ini. Penulis menjadi pemerhati yang diketahui oleh ahli MEDIIU dengan menjalankan kajian di sekitar pusat pembelajaran dan pejabat pentadbiran MEDIIU.

## 9.2 Metodologi analisis data

Setelah keseluruhan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian dikumpulkan, proses seterusnya adalah usaha penulis untuk menganalisis keseluruhan data yang diperolehi tersebut. Dalam proses analisis ini, beberapa metode digunakan oleh penulis iaitu:

### 9.2.1 Metode Induktif

Kaedah ini digunakan untuk membuat rumusan dan pembuktian dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan rumusan yang lebih bersifat umum. Penulis menggunakan metode ini dalam keseluruhan bab yang terdapat dalam kajian ini kerana setiap pernyataan dan data yang dikemukakan memerlukan rumusan.

### 9.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah kesimpulan yang diambil dari data-data yang ada kemudian dijadikan suatu kesimpulan yang khusus. Ia merujuk kepada satu kaedah untuk membuat satu kenyataan umum tentang sesuatu unsur dan disusuli dengan

kenyataan khusus tentang unsur tersebut. Ia juga bermaksud satu proses mencari bukti daripada maklumat yang bersifat umum bagi bukti yang bersifat khusus. Metode ini digunakan pada bab keempat.

### 9.2.3 Instrumen

#### Graf, Jadual dan Histogram

Metode ini digunakan untuk menyampaikan data yang telah dianalisa dalam kajian ke dalam bentuk graf, jadual dan histogram. Penulis akan menggunakan metode ini pada bab empat di mana hasil kajian mengenai tahap penguasaan pengajian Qira'āt secara dalam talian di MEDIIU akan disampaikan dalam bentuk graf, jadual dan histogram untuk lebih menonjolkan hasil kajian ini.

## 10. DEFINISI ISTILAH

Tajuk kajian : **Penguasaan Pengajian Qira'āt Secara Dalam Talian : Kajian Di Madinah International Islamic University(MEDIIU) Shah Alam, Selangor.**

#### **Penguasaan :**

Menurut kamus pelajar cetakan ketiga belas KBSM (1997), penguasaan berasal dari perkataan kuasa yang bermaksud kemampuan atau kekuatan untuk melakukan sesuatu, tenaga dan daya. Penguasaan pula lebih merujuk kepada perbuatan atau hal menguasai akan sesuatu.



### **Pengajian Qira'āt:**

Qira'āt iaitu bacaan yang disandarkan kepada salah seorang daripada imam-imam qurra' yang bersambung bacaan mereka kepada Rasulullah s.a.w<sup>13</sup>. Menurut istilah ilmiah pula, Qira'āt adalah salah satu mazhab (aliran) qur'an yang dipilih oleh seorang imam qurra' sebagai suatu mazhab lain yang berbeza dengan mazhab lainnya<sup>14</sup>. Sebagai contoh imam Abu 'Amr, Nāfi', 'Āsim, Hamzah, al-Kisa'iy, Ibn Āmir dan Ibn Kāthir. Pengajian Qira'āt adalah merangkumi seluruh aspek ilmu Qira'āt seperti pengenalannya, sejarahnya, ulama'nya dan segala perbincangan yang terdapat dalam ilmu Qira'āt. Namun begitu, di dalam kajian penulis definisi pengajian Qira'āt ini adalah menfokuskan hanya kepada penguasaan praktikal ilmu Qira'āt sahaja.

### **Dalam Talian:**

Mengikut Kamus Inggeris-Melayu Dewan (1992), *online* bermakna dalam talian. Akan tetapi, dalam talian yang dimaksudkan oleh penulis adalah lebih menjurus kepada pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran secara dalam talian lebih menggalakkan kepada pelajar-pelajar yang mengalami kesuntukkan masa, pelajar yang bekerja yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian mereka tanpa menghadiri kelas dan hanya dengan mengakses internet sahaja<sup>15</sup>. Di antara institusi yang program e-pembelajaran ialah; *Asia e University*, Universiti Sains Malaysia, Universiti Terbuka Malaysia dan Madinah Intertional Islamic University.

---

<sup>13</sup> Dato' Sheikh Sallehuddin Omar, Khairul ANuar Mohamad al-Bakri, Mohd Rahim Jusoh dan Abdillah Hisham Abd. Wahab, *Tajwid Al-Quran Qira'āt 'Āsim Riwayat Hafz Tariq Syatiby*, Jilid kedua, Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, 2012, h.649.

<sup>14</sup> Drs. Mudzakir AS, *Qira'āt Quran dan Para Ahlinya*, Studi Ilmu-ilmu Al-Quran (*Mannā' Khalil al-Qattān*), cet. ke-9, Litera Antranusa, h.247.

<sup>15</sup> "Online Degree Gain Popularity", *Special Advertising Section, Reader's Digest*: Jun 2010, h.18.

## **11. PENUTUP**

Kesimpulannya, kajian ini mampu memberi sumbangan kepada masyarakat khususnya di kalangan para pelajar kerana ilmu yang perlu diketahui oleh lapisan masyarakat bukanlah hanya sekadar mahir membaca Al-Quran bahkan juga mampu mengenali serta mengetahui ilmu Qira'āt. Tambahan pula, setiap ilmu yang diwariskan kepada kita dewasa ini menjadi satu amanah kepada kita untuk kita menjaganya dan menwariskan kepada segenap masyarakat yang akan datang.

Selain itu, pengetahuan dalam pengembangan pengajian Al-Quran dan Qira'āt perlu ada dan diterapkan oleh masyarakat supaya tidak ketinggalan dari segi kemajuan ilmu. Tambahan pula, kemajuan sesebuah masyarakat bukanlah hanya bergantung kepada kepintaran di dalam ilmu akademik sahaja malah ilmu agama juga perlu dijadikan asas yang seiring demi menjana ketamadunan masyarakat Islam dewasa kini.